



**LAPORAN TAHUNAN  
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2019**





**PERUTUSAN**  
**YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN**  
**PENGERUSI MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Tahunan Majlis Sukan Negeri Selangor bagi tahun 2019 telah berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi Majlis Sukan Negeri Selangor yang telah berjaya mengumpulkan bahan bacaan dan rujukan yang informatif kepada para pembaca.

Penghasilan laporan tahunan 2019 ini diharap dapat memudahkan para pemegang taruh untuk mendapatkan informasi mengenai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor di sepanjang tahun 2019.

Kerajaan Negeri Selangor bertekad untuk terus memberi sokongan penuh kepada setiap perancangan yang disusun oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dalam usaha bagi menjadikan Negeri Selangor sebagai peneraju dalam bidang pembangunan sukan dan generasi muda di Malaysia.

Tinggi harapan saya agar setiap inisiatif yang diambil oleh Majlis Sukan Negeri Selangor akan dapat memberi manfaat kepada golongan penggiat sukan serta pembangunan modal insan anak muda di negeri ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memainkan peranan membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam menjayakan segala perancangan pada tahun 2019. Semoga usaha dan komitmen tinggi yang ditunjukkan selama ini akan sentiasa berterusan di masa yang akan datang.



**“BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT”**

**PERUTUSAN  
PENGARAH EKSEKUTIF  
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya ingin melahirkan rasa gembira dan syukur di atas sokongan penuh yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor serta komitmen dan kerja keras yang ditunjukkan oleh semua pihak terutamanya warga kerja Majlis Sukan Negeri Selangor.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan laporan tahunan MSNS bagi tahun 2019 ini. Penyediaan laporan tahunan ini menunjukkan komitmen pihak Majlis dalam menyalurkan maklumat kepada para pemegang taruh industri sukan Negeri Selangor.

Seperti semua sedia maklum, tahun 2019 merupakan tahun penganjuran Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES). Acara dwi tahunan tersebut dijadikan platform bagi pemilihan dan persediaan atlet-atlet muda bagi menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2020. Ramai bakat muda yang dikenalpasti di setiap penganjuran Kejohanan SUKSES dan mereka ini akan diserap untuk menyertai Latihan bagi menggilap bakat serta kemampuan mereka. Kehadiran para atlet pelapis ini memberi keyakinan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor untuk terus berusaha keras dalam melahirkan atlet yang mampu bersaing di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis-Majlis Sukan Daerah, Persatuan-Persatuan Sukan Negeri Selangor dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta individu dan agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha membangunkan industri sukan Negeri Selangor ini.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan semoga terus maju jaya kepada para penggiat industri sukan dan pembangunan generasi muda di Negeri Selangor dan berharap agar komitmen serta semangat juang yang tinggi dapat dikekalkan pada masa akan datang.


Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR PENERAJU KECEMERLANGAN SUKAN”**

**MOHAMAD NIZAM BIN MARJUGI** AMS.



**STRUKTUR ORGANISASI**  
**MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**



## **ISI KANDUNGAN**

Perutusan YB. Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor

Perutusan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor

Struktur Organisasi Majlis Sukan Negeri Selangor

### **BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN**

#### **1. Unit Kewangan**

- Ringkasan Belanjawan

#### **2. Unit Khidmat Pengurusan**

- Seksyen Pentadbiran
- Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
- Seksyen Komunikasi Korporat
- Seksyen Teknologi Maklumat

#### **3. Unit Pengurusan Harta Dan Kemudahan**

### **BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN**

#### **1. Unit Pengurusan Sukan**

#### **2. Unit Pembangunan Atlet**

- Unit Persediaan Atlet
- Unit Majlis Sukan Daerah (MSD)

### **BAHAGIAN PEMBANGUNAN GENERASI MUDA**

#### **1. Unit Penggerak Belia Tempatan (PeBT)**

#### **2. Unit Program**

#### **3. Unit Pengurusan NGO**

**BAHAGIAN**  
**PENGURUSAN DAN KEWANGAN**

**LAPORAN UNIT KEWANGAN**



**LAPORAN UNIT KEWANGAN BAGI TAHUN 2019**

**Belanja Mengurus**

<b>JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA (RM)</b>	<b>TERIMAAN PENDAPATAN/ SUMBANGAN/ PERUNTUKAN TAMBAHAN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>BAKI PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>% PENGGUNAAN</b>
5,617,500.00	499,916.11	6,200,891.93	(83,475.82)	101.36%

**Belanja Pembangunan**

I) Sukan

<b>JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA (RM)</b>	<b>TERIMAAN PENDAPATAN/ SUMBANGAN/ PERUNTUKAN TAMBAHAN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>BAKI PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>% PENGGUNAAN</b>
7,000,000.00	1,889,400.00	8,911,687.08	(22,28.08)	100.25%

II) Generasi Muda

<b>JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA (RM)</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>BAKI PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>% PENGGUNAAN</b>
3,300,583.59	2,597,417.15	703,166.44	78.70%

**LAPORAN UNIT KHIDMAT PENGURUSAN**  
**SEKSYEN PENTADBIRAN**

## LAPORAN SEKSYEN PENTADBIRAN

### URUSETIA MESYUARAT

PERKARA	JUMLAH BILANGAN MESYUARAT
Mesyuarat Lembaga Pengurus	4
Perhimpunan Bulanan Jabatan	2
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset (JKPAK)	4
Mesyuarat Bahagian Pengurusan & Kewangan	7

### PELAKSANAAN TAKLIMAT

PERKARA	JUMLAH BILANGAN TAKLIMAT
Taklimat Pengurusan Aset Dan Stor Majlis Sukan Negeri Selangor	1
Taklimat Kesedaran Mencegah Kebakaran Di Majlis Sukan Negeri Selangor	1

### PERKHIDMATAN KEMUDAHAN ASAS PEJABAT

PERKARA	JUMLAH	
Jumlah Aduan Kerosakan Adalah Sebanyak 39 Aduan	Aduan kerosakan kelengkapan kemudahan pejabat	31
	Aduan kerosakan aset pejabat	8

### PENGURUSAN KONTRAK

PERKARA	JUMLAH	
Jumlah Semakan Kontrak	Bilangan Semakan Daftar Kontrak	12 Kali
	Semakan Bil-Bil Pembayaran Bayaran Utiliti	12 Kali
	Semakan Bayaran Sewaan Premis Rumah Kedai	12 Kali

**PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN**

<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Pemeriksaan Buku Log Kenderaan Rasmi Jabatan	52 kali
Bilangan Semakan Penyelenggaraan Kenderaan Rasmi Jabatan	24 kali
Bilangan Pemeriksaan Laporan Kad Inden Dan Touch&Go	12 kali
Bilangan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan	2 kali
Bilangan Semakan Notis Kesalahan Lalu Lintas / Saman Direkodkan	4 kali

**PERMOHONAN PENGGUNAAN KENDERAAN JABATAN**

<b>PERKARA</b>		<b>JUMLAH</b>
Jumlah Penggunaan Kenderaan Majlis adalah sebanyak 889 permohonan	Permohonan Dalaman	857
	Permohonan Luar	46

**PENGURUSAN ASET**

<b>PERKARA</b>		<b>JUMLAH</b>
Jumlah Aset Taging adalah sebanyak 34 Aset	Daftar Harta Modal	8
	Daftar Aset Alih Bernilai Rendah	26

**PENYELENGGARAAN ASET MAJLIS**

<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>
Penyelenggaraan Kenderaan - pembaikan dan Penyelenggaraan Jadual Berkala	21
Penyelenggaraan Penghawa Dingin	2

**LAPORAN UNIT KHIDMAT PENGURUSAN  
SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

## LAPORAN SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### PENGURUSAN PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Seramai 9 orang pegawai dan kakitangan baru telah dilantik untuk berkhidmat di MSNS, bagi skim perkhidmatan jawatan Pegawai Belia & Sukan Gred S41, Penolong Pegawai Belia & Sukan Gred S29 dan Pembantu Belia & Sukan Gred S19. Butiran terperinci adalah seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
<b>KUMPULAN PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL</b>			
1.	Pegawai Belia & Sukan	S41	1
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>			
2.	Penolong Pegawai Belia & Sukan	S29	6
3.	Pembantu Tadbir	N19	1
4.	Pembantu Belia & Sukan	S19	1
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>9</b>

### PENGURUSAN PELANTIKAN SEMULA PEGAWAI KONTRAK

Seramai 41 orang pegawai dan kakitangan yang telah dilantik semula untuk berkhidmat di MSNS, yang melibatkan Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana.

### PENGURUSAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) PEGAWAI

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah merupakan satu pengiktirafan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun dinilai.

Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 telah diadakan bersekali dengan Majlis APC 2018 dan Anugerah Jasamu Dikenang (AJD) 2019 yang telah dianjurkan oleh BPSM Pejabat SUK, Selangor pada 15 April 2019 di Dewan Jubli Perak. Pegawai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2018 adalah seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Penolong Pegawai Belia & Sukan	S32	1
2	Penolong Akauntan	W32	1
3	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
4	Penolong Pegawai Belia & Sukan	S29	1
5	Pembantu Tadbir (Kanan)	N22	1
6	Pemandu Kenderaan	H11	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>6</b>

### **PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN LATIHAN PEGAWAI**

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Unit Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan telah menganjurkan beberapa program pembangunan latihan secara dalaman dan luaran kepada pegawai MSNS. Program-program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi pegawai.

Pada tahun 2019, **Tiga (3)** kursus/taklimat/bengkel secara dalaman telah dianjurkan oleh pihak MSNS melalui Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Unit Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan & Kewangan. Selain dari itu, terdapat **Tujuh Belas (17)** kursus/program/lawatan kerja yang telah dianjurkan oleh agensi luar yang turut disertai oleh pegawai & kakitangan MSNS. Butiran terperinci adalah seperti dilampiran.

**SENARAI KURSUS / PROGRAM / TAKLIMAT / BENGKEL LUARAN**  
**YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI & KAKITANGAN MSNS TAHUN 2019**

**JANUARI 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
1.	Taklimat Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST) Dalam Perolehan Kerajaan Anjuran Perbendaharaan Negeri Selangor	17/1/2019	Concorde Hotel, Shah Alam	Perbendaharaan Negeri Selangor
2.	Jemputan Bengkel Penggunaan Sistem Track-On Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Tahun 2019	18/1/2019	Makmal ICT, Bahagian Teknologi Maklumat, Bangunan SSAAS	Unit MMKN Selangor

**FEBRUARI 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
3.	Lawatan Kerja Unit Integriti Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Ke Prasarana Malaysia Berhad	19/2/2019	Prasarana Malaysia Berhad	Unit Integriti Pentadbiran SUK Selangor
4.	Jemputan Menghadiri Seminar Pendidikan Sukan <i>Teqball</i>	21/2/2019 - 24/2/2019	Sports Centre, University of Malaya, Kuala Lumpur	<i>Malaysia Teqball Association and Federation International de Teqball (FITEQ)</i>

**MAC 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
5.	Kursus Tatacara Pengurusan Aset (Stor) Kerajaan, Anjuran Pusat Latihan Awam Selangor (Plas), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Bpsm), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	11/3/2019 - 13/3/2019	Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS)	Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS)
6.	Seminar Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Siri 1 Tahun 2019 Dengan Kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	12/3/2019	Dewan Orchid, Tingkat 4, Wisma PKPS	Pentadbiran SUK Selangor
7.	Jemputan Ke Program Majlis Apresiasi Kepimpinan Wanita Negeri Selangor Bagi Kempen #Seimbang Untuk Sejahtera (#Balanceforbetter) 2019	15/3/2019	Grand Ballroom Shah Alam Convention Centre (SACC)	Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga

**APRIL 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
8.	Jemputan Untuk Menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 Dan Anugerah Jasamu Dikenang Tahun 2019 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	15/4/2019	Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS	Pentadbiran SUK Selangor

**MEI 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
9.	Jemputan Ke Program Dialogue@Shah Alam	3/5/2019	Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC Convec)	Pentadbiran SUK Selangor
10.	Jemputan Ke Majlis Rapat Ramadan Penjawat Awam Bersama Yab Dato' Menteri Besar Selangor Tahun 2019	17/5/2019	Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS	PTGS
11.	Jemputan Ke Majlis Tadarus Perdana Puspanita Negeri Selangor Bagi Tahun 2019m/1440h	17/5/2019	Surau Nurul Ihsan, Seksyen 6, Shah Alam	PUSPANITA
12.	Jemputan Menghadiri Program Semarak Ramadan (Tadarus Perdana) Wanita Negeri Selangor	24/5/2019	Dewan Besar Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam	Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga

**JUN 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
13.	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Puspanita Tahun 2019	28/6/2019	Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS	PUSPANITA

**OGOS 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
14.	Jemputan Ke Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor Yang Dihoskan Oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya	19/8/2019	Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS	MBPJ

**OKTOBER 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
15.	Jemputan Ke Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor Yang Dihoskan Oleh Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat	14/10/19	Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS	Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat

**NOVEMBER 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
16.	Konvensyen Pegawai-Pegawai Integriti Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor	18/11/19	Grand Ballroom, Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.	Pentadbiran SUK Selangor bersama Unit Pendidikan Masyarakat SPRM dan Unit Integriti Pejabat SUK Selangor
17.	Jemputan Mesyuarat Penyelarasan Unit Integriti Agensi – Agensi Kerajaan Di Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil.2 Tahun 2019	19/11/19	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Pentadbiran SUK Selangor

**SENARAI KURSUS / PROGRAM / TAKLIMAT / BENGKEL DALAMAN**  
**YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI & KAKITANGAN MSNS TAHUN 2019**

**APRIL 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
1.	Kursus Myportfolio	16/4/2019 - 18/4/2019	Bilik Mesyuarat Sukses, Majlis Sukan Negeri Selangor	MSNS

**SEPTEMBER 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
2.	Kursus Penulisan Surat Rasmi Dan Pengurusan Fail Serta Rekod Gred 19 Tahun 2019	4/9/2019 & 5/9/2019	Bilik Mesyuarat Sukses, Majlis Sukan Negeri Selangor	MSNS

**NOVEMBER 2019**

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Anjuran
3.	Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2019 Majlis Sukan Negeri Selangor	24/11/19 - 26/11/19	Corus Paradise Resort, Port Dickson	MSNS

**LAPORAN UNIT KHIDMAT PENGURUSAN**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

## Laporan Seksyen Komunikasi Korporat

### Kejohanan Tenpin Bowling MSNS Bersama Media 2019

21 Pasukan telah mengambil bahagian di Kejohanan ini yang merangkumi tiga (3) Pasukan dari Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), dua (2) Pasukan dari Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan 16 Pasukan Media.

#### TARIKH

17 Oktober 2019

#### TEMPAT

Alam Lanes, AEON Mall Shah Alam

16 Pasukan Media yang terlibat adalah;

- Astro (2 Pasukan)
- Berita Harian (3 Pasukan)
- Media Sukan Malaysia
- Harian Metro (2 Pasukan)
- Kosmo
- RTM - SelangorFM (3 Pasukan)
- Media Selangor (3 Pasukan)
- Team Foto Selangor

#### PEMENANG

Juara : Media Sukan Malaysia

Naib Juara : Harian Metro

Tempat Ketiga : Kosmo

Tempat Keempat : Astro

Tempat Kelima : MSNS



<b>Perhubungan Awam</b>	Penyediaan Teks Rasmi Untuk Acara-acara Rasmi Majlis	6
	Mengeluarkan Surat Jemputan Mengikut Bilangan Program Rasmi Majlis	9
	Sidang Media Yang Diuruskan	2
	Mengemaskini Direktori Perhubungan Awam MSNS	12 kali
	Merancang dan menganjurkan Kejohanan Bowling Bersama Media	1 kali
	Penghasilan Buku Laporan Tahunan 2018	1 kali

<b>Promosi Dan Publisiti Aktiviti Dan Program Majlis</b>	Penglibatan dalam Aktiviti/Program Majlis	38
	Bilangan Promosi Dan Publisiti Aktiviti / Program Majlis Melalui Laman Web Rasmi, Facebook, Twitter, Instagram)	283 kali

Berikut merupakan penglibatan Seksyen Komunikasi Korporat sepanjang tahun 2019.

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Program / Aktiviti</b>	<b>Lokasi</b>
1.	29 Januari 2019	<b>Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Kontinjen SUKMA 2018, Sukan Asia dan Para Asia 2018</b>	Dewan Megawati, Kediaman Rasmi YAB MB Selangor
2.	30 Januari 2019	<b>Bengkel Sidang Meja Bulat Program Pembangunan Sukan Bolasepak Negeri Selangor</b>	SACC Convention Centre
3.	17 Februari 2019	<b>Majlis Apresiasi &amp; Penyerahan Watikah PeBT Negeri Selangor 2019</b>	Dewan Jubli Perak, SUK Selangor
4.	25 Mac 2019	<b>Sidang Media Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor 2019</b>	Bilik Mesyuarat SUKSES, MSNS
5.	28 Mac 2019	<b>Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor</b>	Grand Bluewave Hotel, Shah Alam
6.	14 Mei 2019	<b>Program Semarak Ramadhan Generasi Muda Selangor 2019</b>	Hotel De Palma Shah Alam
7.	17 Julai 2019	<b>Sidang Media Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) 2019</b>	Bilik Mesyuarat SUKSES, MSNS
8.	23-25 Julai 2019	<b>Sukan Memanah Kejohanan Sukan Selangor 2019</b>	Stadium Bandar Baru Salak Tinggi
9.	24 Julai 2019	<b>Majlis Perasmian FA Selangor Training Centre</b>	Padang SUK, Shah Alam
10.	27 Julai 2019	<b>Piala Kabbadi MPSJ 2019 Pesta Sukan Gen-S</b>	Stadium MPSJ, Serdang Jaya
11.	5-10 Ogos 2019	<b>Kejohanan Sukan Selangor 2019</b>	Sekitar Daerah Sepang
12.	10 Ogos 2019	<b>Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Selangor 2019</b>	RHR Hotel Uniten Bangi

13.	23 Ogos 2019	<b>Majlis Penyerahan Tajaan Atlet Luncur Ais Negeri Selangor &amp; Pelancaran Projek Kilauan Emas Temasya Sukan Olimpik Musim Sejuk Milan 2026</b>	Bilik Mesyuarat SUKSES, MSNS
14.	24 Ogos 2019	<b>Piala Sultan Selangor 2019</b>	Stadium Shah Alam
15.	25 Ogos 2019	<b>Kejohanan Sepak Takraw Pesta Sukan Gen-S 2019</b>	Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah
16.	27 Ogos 2019	<b>Selangor International Sports Summit 2019</b>	Sunway Resort Hotel & Spa
17.	14 September 2019	<b>Kejohanan Bola Keranjang Sempena Pesta Sukan Gen-S 2019</b>	Stadium Tertutup Kuala Selangor
18.	15 September 2019	<b>Kejohanan Bola Sepak Pantai sempena Pesta Sukan Gen-S 2019</b>	Gelanggang Bola Sepak Pantai Morib
19.	19 September 2019	<b>Majlis Perasmian Kejohanan Goalball Terbuka Negeri Selangor 2019</b>	Kompleks Sukan Paralimpik Kampung Pandan, Kuala Lumpur
20.	22 September 2019	<b>Kejohanan Badminton Beregu Amatur Pesta Sukan Gen-S MPKJ 2019</b>	Dewan Badminton Uptown Sports, Bandar Baru Bangi
21.	23 September 2019	<b>Majlis Sidang Media Selangor Cyber Games 2019</b>	Dewan Annex, SUK Selangor
22.	24 September 2019	<b>Majlis Sidang Media Program Larian Menjunjung Kasih 2019</b>	Bilik Mesyuarat SUKSES, MSNS
23.	27-29 September 2019	<b>Program Kem Kepimpinan Jati Diri Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor 2019</b>	Paradise Valley Eco Farm Resort, Broga, Semenyih
24.	5 Oktober 2019	<b>Kejohanan Bola Tampar Pesta Sukan Gen-S MBSA 2019</b>	Dewan Bola Tampar MBSA Seksyen 19, Shah Alam
25.	6 Oktober 2019	<b>Karnival Sukan PeBT Klang 2019</b>	Dewan Sukan Andalas, Klang
26.	8 Oktober 2019	<b>Majlis Sidang Media Himpunan Perguruan Silat Selangor 2019</b>	Bilik Mesyuarat MTES, Bangunan SUK Selangor
27.	13 Oktober 2019	<b>Kejohanan E-Sport Gen-S Dan Sambutan Bulan Sukan Negara @ Sepang 2019</b>	D'Pulze Shopping Centre, Cyberjaya
28.	13 Oktober 2019	<b>Himpunan Perguruan Silat Selangor 2019</b>	Istana Bandar, Banting
29.	13 Oktober 2019	<b>Kejohanan Tenpin Bowling Pesta Sukan Gen-S PeBT MBPJ 2019</b>	Wangsa Bowl, 1 Utama Petaling Jaya
30.	15 Oktober 2019	<b>Sidang Media Karnival Selangor Youth Republic (SYR) 2019</b>	Foyer SUK, Shah Alam
31.	24 Oktober 2019	<b>Majlis Pelancaran Dan Penyerahan Tajaan Tour De Selangor 2019</b>	Grand Ballroom, Concorde Shah Alam
32.	26 Oktober 2019	<b>Kayuhan King of Mountain (KOM) Gen-S Hulu Selangor</b>	Bandar Kuala Kubu Bharu

<b>33.</b>	26-27 Oktober 2019	<b>Selangor CyberGames 2019</b>	Central iCity Shah Alam
<b>34.</b>	2-3 November 2019	<b>Karnival SYR 2019</b>	Bulatan Bazarena, Seksyen 13 Shah Alam
<b>35.</b>	9 November 2019	<b>Kejohanan Ping Pong Pesta Sukan Gen-S 2019</b>	Kompleks Sukan Seri Siantan, Jalan Sungai Tua, Selayang
<b>36.</b>	17 November 2019	<b>Jelajah Kemasyarakatan Gen-S</b>	Padang Permainan Blok 4, 5 & 6, Desa Mentari, Petaling Jaya
<b>37.</b>	8 Disember 2019	<b>Larian Menjunjung Kasih 2019</b>	Dataran MBPJ
<b>38.</b>	18-22 Disember 2019	<b>Tour De Selangor 2019</b>	Sekitar Negeri Selangor

**LAPORAN UNIT KHIDMAT PENGURUSAN**  
**SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

## Laporan Seksyen Teknologi Maklumat

FUNGSI	
Menguruskan agihan peralatan ICT dan operasi <i>helpdesk</i> bagi aduan kerosakan.	Menguruskan pendaftaran akaun dan selenggara bagi email rasmi Majlis.
Menguruskan rekabentuk, kemaskini kandungan dan selenggara Laman Web Rasmi Majlis.	
Menguruskan naik taraf perkhidmatan jalur lebar yang disalurkan ke server bagi kemudahan internet di pejabat-pejabat Majlis.	Menyediakan spesifikasi teknikal bagi perolehan ICT, selenggara dan latihan pengguna sistem aplikasi.
PENGURUSAN KEMUDAHAN ICT	PENYELESAIAN ADUAN ICT
Menyediakan spesifikasi perolehan peralatan dan perkhidmatan ICT serta menguruskan agihan peralatan ICT untuk kemudahan pegawai dan kakitangan Majlis.	Pengurusan aduan sepanjang tahun telah dilaksanakan mengikut log kerosakan ICT yang diterima, dan baik pulih segera dilaksanakan bagi memastikan operasi di pejabat Majlis berjalan lancar.
PENGURUSAN SISTEM APLIKASI	PENGURUSAN LAMAN WEB RASMI
Khidmat teknikal <i>client-server</i> dan selenggara modul dipantau sepanjang tahun agar pengurusan data akaun, gaji dan kehadiran pegawai dan kakitangan Majlis dapat diproses dalam sistem-sistem aplikasi yang disediakan di server Majlis.	Pengurusan dan penyelenggaraan Laman Web Rasmi Majlis dilaksanakan bagi memastikan segala maklumat yang dimuat naik dapat dicapai oleh semua pengguna serta rujukan <i>One Stop Centre</i> , disamping pengawasan isu dan pencerobohan siber.
PENGURUSAN EMEL RASMI	PEMANTAUAN RANGKAIAN DAN KESELAMATAN
Emel rasmi Majlis melibatkan <i>mail server</i> dan akaun pengguna dipantau sepanjang masa bagi memastikan pegawai dan kakitangan dapat menggunakan emel rasmi yang disediakan.	Memantau dan melaksana penyelenggaraan secara konsisten bagi memastikan keselamatan dan rangkaian ICT berada pada capaian yang optimum terhadap perlindungan data dalam rangkaian dan terhindar dari anasir-anasir pencerobohan serta memastikan infra ICT seperti Server, Modem Router, Access Point dan lain-lain dalam keadaan stabil untuk dianalisa dan dikonfigurasi.
PELARASAN SISTEM KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP	PEMANTAUAN SISTEM PERAKAM WAKTU ELEKTRONIK
Membuat pelarasan teknikal bagi perkakasan dan perisian Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) di dua lokasi melibatkan Pejabat Urusan Majlis dan Pejabat Seksyen 6 Majlis.	Pendaftaran pengguna dan selenggara data serta pemantauan dilaksanakan bagi setiap perakam waktu yang dipasang di tiga (3) lokasi bagi pengurusan rekod kehadiran pegawai dan kakitangan Majlis.



**LAPORAN UNIT PENGURUSAN  
HARTA DAN KEMUDAHAN**

## Kemudahan Sukan

Sepanjang tahun 2019, Majlis Sukan Negeri Selangor telah menaiktaraf dan menjalankan baikpulih kepada beberapa kemudahan sukan di bawah pengurusan Majlis. Ini bagi memastikan pusat latihan tersebut sentiasa berada di dalam keadaan terbaik dan menjamin keselesaan atlet semasa menjalani latihan.

Berikut adalah pusat latihan yang telah siap bagi kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf;

Bil	Pusat Latihan	Sukan	Lokasi	Status
1	Pusat Latihan Boling Padang	Lawn Bowl	Seksyen 13 Shah Alam	Siap
2	Dewan Gimnastik Yoke Kuan	Gimnastik	Sekinchan, Sabak Bernam	Siap

Pihak Majlis turut mengutamakan kebersihan serta keselamatan pusat-pusat latihan yang digunakan oleh para atlet dibawah pengurusan pihak Majlis. Aktiviti gotong-royong serta kerja pencegahan pembiakan nyamuk aedes di kawasan pusat latihan adalah antara langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan para pengguna.

Tambahan pula, pihak Majlis turut menjalankan lawatan ke Stadium Kota Raja, Klang yang berada di dalam kerja-kerja menaiktaraf. Tujuan adalah bagi mendapatkan serba sedikit ilmu pengetahuan berkenaan proses yang dijalankan di dalam kerja-kerja menaiktaraf Stadium.

### **PUSAT LATIHAN BOLING PADANG, SEKSYEN 13**



**DEWAN GIMNASTIK YOKE KUAN**



**GOTONG ROYONG / FOGGING PUSAT LATIHAN BOWLING PADANG**



**GOTONG ROYONG / FOGGING KOMPLEKS SUKAN SUKSES**



**LAWATAN STADIUM KOTA RAJA**



**BAHAGIAN**  
**PEMBANGUNAN SUKAN**

**LAPORAN UNIT PENGURUSAN SUKAN**



## KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) 2019

Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) merupakan acara sukan dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor. Kejohanan SUKSES kali pertama telah diadakan pada tahun 1995 dan penganjuran pada tahun 2019 ini merupakan edisi ke-13.

SUKSES 2019 ini dianjurkan dengan kerjasama Persatuan-persatuan Sukan Negeri yang akan membantu dari segi teknikal dan pertandingan kejohanan dan Majlis Sukan Daerah Sepang yang telah membantu dari pelbagai segi kemudahan dan logistik.

### Objektif Penganjuran

- i) Menggalakkan usaha pembangunan sukan peringkat akar umbi di setiap daerah di Negeri Selangor.
- ii) Menyediakan kejohanan tahunan sebagai kayu pengukur kepada atlet yang telah menjalani latihan sepanjang tahun di bawah program pembangunan sukan di Pusat Latihan Majlis Sukan daerah (PLMSD) disetiap daerah ke arah membentuk kecemerlangan dan kegemilangan sukan di Negeri Selangor khususnya dan Negara amnya.
- iii) Dapat melahirkan lebih ramai atlet yang berpotensi untuk diketengahkan diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Pertandingan ini melibatkan atlet di bawah umur 20 tahun yang mewakili sembilan (9) buah daerah di Negeri Selangor seperti berikut:

- i) Petaling
- ii) Klang
- iii) Hulu Langat
- iv) Gombak
- v) Sepang
- vi) Kuala Selangor
- vii) Kuala Langat
- viii) Hulu Selangor
- ix) Sabak Bernam

BIL	SUKAN	VENUE	TARIKH
1.	Memanah	Std Bandar Baru Salak Tinggi	22-25 Julai 2019
2.	Boling Padang	Gelanggang PTD Sepang	5-10 Ogos 2019
3.	Tenpin Bowling	Wangsa Bowl, IOI Mall Putrajaya	5- 9 Ogos 2019
4.	Bola Keranjang	Sport Arena, UNITEN, Bangi	6-10 Ogos 2019
5.	Sepak Takraw		

6.	Petanque	SMK Sungai Rawang, Sepang	6-9 Ogos 2019
7.	Badminton	Gem Inn Mall, Cyberjaya	7-10 Ogos 2019
8.	Olahraga	Mini Stadium UNITEN, Bangi	8-9 Ogos 2019

### Pingat Yang Dipertandingkan

BIL	SUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1.	Memamah	14	14	14	42
2.	Boling Padang	8	8	16	32
3.	Tenpin Bowling	9	9	9	27
4.	Bola Keranjang	4	4	4	12
5.	Sepak Takraw	3	3	6	12
6.	Petanque	11	11	22	44
7.	Badminton	7	7	14	28
8.	Olahraga	37	37	37	111
<b>Jumlah</b>		<b>93</b>	<b>93</b>	<b>122</b>	<b>308</b>

### Keputusan Kejohanan Sukan Selangor SUKSES 2019

PERKARA	NAMA	DAERAH	SUKAN	HADIAH
Johan Keseluruhan	Daerah Petaling			RM 10,000
Olahragawan	Ayzek Hakimi bin Safingan	Selangor	Petanque	RM 1,000
Olahragawati	Adlin Sofiya bt Sazali	Selangor	Petanque	RM 1,000

### Pungutan Pingat Keseluruhan Kontinjen

KED	DAERAH	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Petaling	21	15	25	61
2	Klang	17	11	12	40
3	Hulu Langat	12	15	23	50
4	Sepang	11	11	7	29
5	Hulu Selangor	10	4	14	28
6	Gombak	9	9	7	25
7	Kuala Langat	5	11	13	29
8	Kuala Selangor	5	10	6	21
9	Sabak Bernam	1	5	13	19
<b>JUMLAH</b>		<b>91</b>	<b>91</b>	<b>120</b>	<b>302</b>

Majlis Penutup SUKSES 2019 telah diadakan pada 10 Ogos 2019 (Sabtu) bertempat di RHR Hotel UNITEN Bangi yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.





## ANUGERAH SUKAN NEGERI SELANGOR 2018

**Tarikh** : 28 Mac 2019 (Jumaat)  
**Tempat** : Hotel Bluewave Shah Alam  
**VVIP** : YAM Tengku Indera Setia Selangor,  
Tengku Ahmad Shah Alhaj Ibni Almarhum  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj

Anugerah Sukan Negeri Selangor dianjurkan oleh Majlis pada setiap tahun merupakan acara tahunan yang berprestij di peringkat Negeri Selangor. Seramai 81 olahragawan dan olahragawati telah dianugerahkan sepanjang ASNS ini diadakan mulai tahun 1975 sehingga tahun 2018.

### Objektif Penganjuran

- i) ASNS diadakan sebagai menyatakan tanda penghargaan Kerajaan Negeri Selangor kepada orang perseorangan, persatuan sukan dan pertubuhan yang berkenaan di atas jasa perkhidmatan serta kepimpinan ke arah kemajuan sukan di Negeri Selangor.
- ii) Ianya juga sebagai tanda penghargaan Negeri kepada ahli sukan yang mengharumkan nama Negeri serta mencapai kejayaan yang cemerlang dalam acara sukan Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa.
- iii) Sebagai pemangkin semangat kepada atlet-atlet baru untuk meningkatkan kualiti dan mengharumkan nama Negeri Selangor ke peringkat tertinggi

### Pemenang Anugerah Sukan Negeri Selangor 2018

Bil	Kategori	Nama Pemenang	Sukan	Hadiah
1)	Olahragawan	Farhan bin Adam	Sepak Takraw	RM 10,000
2)	Olahragawati	Amy Kwan Dict Weng	Gimnastik	
3)	Olahragawan Harapan	Muhd Ilham bin Suhaimi	Olahraga	RM 5,000 (Sijil Simpanan Premium)
4)	Olahragawati Harapan	Neesa Yip Yi Wen	Renang	
5)	Pasukan Terbaik	Pasukan Hoki Wanita	Hoki	RM 10,000
6)	Jurulatih Terbaik	Naharuddin binti Mahayudin	Angkat Berat	RM 5,000
7)	Tokoh Kepimpinan	Norazizah binti Mukijan	Hoki	
8)	Anugerah Juri	Hafizh Syahrin bin Abdullah	Permotoran	



## KEJOHANAN BERBASIKAL TOUR DE SELANGOR 2019

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah menganjurkan Kejohanan Berbasikal Antarabangsa “Tour de Selangor” pada 18 hingga 22 Disember 2019. Penganjuran kali ini merupakan edisi ke-2 selepas penganjuran kali pertama pada 2017 yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Kejohanan ini telah mendapat pengiktirafan kelas 2.0 dari Union Cycliste Internationale (UCI) dan juga telah mendapat sokongan penganjuran dari Persatuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) dengan penawaran jumlah keseluruhan wang kemenangan sebanyak RM69,974.90.

Kejohanan pada kali ini menawarkan 4 pemenang kategori jersi iaitu:-

1. Jersi Kuning : Johan Keseluruhan
2. Jersi Putih : Pelumba Muda (Bawah 23 tahun)
3. Jersi Hijau : Raja Pecut
4. Jersi Polkadot : Raja Bukit

Kejohanan ini telah berlangsung selama lima (5) hari/peringkat ini sejauh 690.4KM akan merentasi sembilan (9) buah daerah di Negeri Selangor seperti berikut :

Tarikh	Tempat	
Peringkat 1 :182.3 KM 18 Dis 2019	Mula	Selangor Bio Bay Show Gallery Pulau Indah
	Tamat	Pekan Batang Kali Hulu Selangor
Peringkat 2 : 160.5 KM 19 Dis 2019	Mula	Pejabat Tanah & Daerah Petaling
	Tamat	Pekan Kajang Hulu Langat
Peringkat 3 : 90.5 KM 20 Dis 2019	Mula	Majlis Perbandaran Sepang
	Tamat	Bukit Jugra, Banting Kuala Langat
Peringkat 4 : 145.2 KM 21 Dis 2019	Mula	Dataran Ilmu Bandar Selayang Baru
	Tamat	Dataran Tonggak 10 Sg Besar Sabak Bernam
Peringkat 5 : 111.9 KM 22 Dis 2019	Mula	Sime Darby Property Bandar Bukit Raja, Klang
	Tamat	Dataran Kemerdekaan Shah Alam

Kejohanan ini telah disertai sejumlah 114 pelumba dari 6 pasukan luar negara dan 13 pasukan tempatan (negeri/kelab) menjadikan keseluruhan pasukan sebanyak 19 buah pasukan.

<b>Asia Continental Team</b>		
1	Team Sapura Cycling	Malaysia
2	Terengganu TSG Cycling Team	Malaysia
3	Aisan Racing Team	Japan
4	Team Embrace The World	German
5	PNG Road Cycling Team	Indonesia
<b>National Team</b>		
1	Indonesia National Team	Indonesia
<b>Negeri / Kelab</b>		
1	Bikelife Dong Nai	Vietnam
2	NEX Cycling Team	Singapura Club
3	Craneigie Caulfield Cycling Club	Australia
4	PDRM- G Cycling Team	PDRM Club
5	Selangor Cycling Team	Selangor
6	JDT Cycling Team	Johor
7	Amskin Racing Club	Pahang
8	Kelantan Kembang Jaya Emas	Kelantan
9	Terengganu Cycling Team	Terengganu
10	Kuala Lumpur cycling Team	Kuala Lumpur
11	Malaysia Armed Forces Cycling Team	Malaysia
12	Perak Cycling Team	Perak
13	Iskandar Cycling Team	Johor

#### Keputusan Perlumbaan

##### **i) Pemenang Berpasukan**

- 1) Sapura Cycling Team – Malaysia
- 2) Bikelife Dong Nai – Vietnam
- 3) Terengganu : TSG – Malaysia

##### **ii) Pemenang Jersi**

- 1) Jersi Kuning - Marcus Culey (SAPURA)
- 2) Jersi Putih - Muhd Nor Aiman bin Mohd Zarif (SAPURA)
- 3) Jersi Hijau - Marcus Culey (SAPURA)
- 4) Jersi Polkadot - Marcus Culey (SAPURA)



## SELANGOR INTERNATIONAL SPORT SUMMIT 2019 (SISS)

**Tarikh** : 24 Ogos 2019 (Sabtu)  
**Tempat** : Hotel Sunway Resort & Spa, Subang Jaya  
**Disempurnakan oleh** : YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari,  
Dato' Menteri Besar Selangor

Kerajaan Negeri Selangor telah diberi penghormatan bekerjasama dengan Kesatuan Akhbar Sukan Asia (Asian Sports Press Union-AIPS ASIA) bagi penganjuran Selangor International Sport Summit 2019 dan Awards For Asia 2018.

AIPS ASIA adalah merupakan badan induk memayungi bidang kewartawanan sukan di Asia. Dengan keanggotaan dibarisi ribuan wartawan sukan di seluruh pelusuk benua, AIPS Asia akan mempromosikan kesemua acara ini. Memandangkan ia adalah acara yang pertama seumpamanya di Asia. Acara ini menjadi Majlis Anugerah Terulung di Asia dan mendapat liputan meluas daripada media antarabangsa.

Selangor International Sports Summit 2019 adalah merupakan persidangan bertaraf antarabangsa yang akan memfokuskan perbincangan kepada isu-isu terkini selain peluang yang mampu memberikan kesan positif kepada arena sukan Selangor, Malaysia dan juga rantau Asia Tenggara.

Pengisian utamanya ialah perkongsian berkenaan pendekatan terkini, trend serta masa depan membabitkan industri sukan dengan penekanan terhadap kebolehpayaan dari aspek pembangunan dan komersil yang bermatlamat menjana peningkatan berterusan untuk sukan peringkat negeri, negara dan serantau.

Manakala penganjuran 'Awards For Asia' 2018 pula adalah untuk mengiktiraf atlet terbaik diperingkat Benua Asia yang telah menunjukkan prestasi terbaik sepanjang tahun 2018. Senarai Pemenang 'Awards For Asia' 2018 :-

BIL	ANUGERAH	KATEGORI	NAMA	NEGARA	SUKAN
1	Atlet Terbaik Asia	( Lelaki )	Son Heung-Min	Korea Selatan	Bolasepak
2	Atlet Terbaik Asia	( Wanita )	Mary Kom	India	Tinju
3	Pasukan Terbaik Asia	(Lelaki)	Pasukan Bolasepak Kebangsaan	Jepun	Bolasepak
4	Pasukan Terbaik Asia	(Wanita )		Qatar	Bolasepak



## LARIAN MENJUNJUNG KASIH 2019

**Tarikh** : 08.12.2019 ( Ahad )  
**Masa** : 5.30 pagi  
**Tempat** : Dataran Petaling Jaya Selangor  
**Disempurnakan oleh** : DYTMM Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj, Raja Muda Selangor

Majlis Sukan Negeri Selangor telah diberi mandat dalam menganjurkan Larian Menjunjung Kasih Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor bagi tahun 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019. Justeru itu, penganjurannya pada tahun 2019 ini untuk Edisi ke 5.

Objektif Penganjuran :

- i) Memberi peluang dan ruang kepada rakyat di Negeri Selangor untuk bersama-sama meraikan Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor.
- ii) Memupuk masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dalam menjalankan aktiviti bersukan.
- iii) Menjalinkan hubungan baik dan memupuk semangat perpaduan dikalangan peserta yang mengambil bahagian.

Kategori ;

BIL	KATEGORI	HAD UMUR	JARAK
i.	A - Lelaki Terbuka	18 ke atas	21 km
ii.	B - Wanita Terbuka		
iii.	C - Lelaki Terbuka		10 km
iv.	D - Wanita Terbuka		
v.	E - Pelajar Lelaki		
vi.	F - Pelajar Wanita		
vii.	G - Pelajar Lelaki		5 km
viii.	H - Pelajar Wanita		
ix.	I - Family Fun Run	12 ke atas	5 km
x.	J - OKU		

Penganjuran pada tahun 2019 telah berjaya mengumpulkan sejumlah hampir 5000 orang penyertaan yang melibatkan peserta dalam dan luar negara. DYTMM Raja Muda Selangor turut mencemar duli dalam penyertaan larian sejauh 5KM.



**LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN ATLET**  
**UNIT PERSEDIAAN ATLET**

SUKAN MENEMBAK

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Selangor Shooting Championship 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 24 Julai 2019
<b>Tempat</b>	: Lapang Sasar Menembak Subang
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Menembak Selangor Memenangi 2 Emas 1 Perak Dan 3 Gangsa

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Tun Hanif Trophy &amp; Sport Excel 2 Malaysia 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 9 hingga 16 September 2019
<b>Tempat</b>	: Sarawak Shooting Range, Kuching
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Menembak Selangor Memenangi 3 Emas 2 Perak Dan 3 Gangsa



## SUKAN JUDO

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan KL Junior Open Championship</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 1 hingga 3 November 2019
<b>Tempat</b>	: Cheras Central Shopping Mall
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Menembak Selangor Memenangi 2 Emas 1 Perak Dan 3 Gangsa

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Penang Judo Championship</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 27 hingga 28 April 2019
<b>Tempat</b>	: Prangin Mall, Pulau Pinang
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Judo Selangor Memenangi 1 Emas Dan 1 Gangsa



SUKAN KARATE DO

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan National Junior And Senior Championship 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 20 hingga 24 Mac 2019
<b>Tempat</b>	: Stadium MPSJ, Serdang Jaya
<b>Catatan</b>	Selangor Memenangi Pingat Emas Daripada Shamalarani (55kg)

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan 20th Milo International Karate Championship</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 5 hingga 7 Julai 2019
<b>Tempat</b>	: Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Judo Selangor Memenangi 1 Perak Dan 4 Gangsa



## SUKAN KANU

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Pesta Air Putrajaya</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 27 hingga 29 September 2019
<b>Tempat</b>	: Kompleks Air Putrajaya

<b>Nama Program</b>	: <b>Karnival Sukan Air Kebangsaan</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 26 hingga 27 Oktober 2019
<b>Tempat</b>	: Kompleks Air Putrajaya
<b>Catatan</b>	Keseluruhan Pasukan Kanu Selangor Memenangi 4 Perak & 1 Gangsa



## SUKAN ANGKAT BERAT

<b>Nama Program</b>	: <b>Latihan Harian Pasukan Angkat Berat Negeri Selangor</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: Isnin hingga Ahad
<b>Tempat</b>	: Pusat Latihan Angkat Berat, Batu 18, Hulu Langat



SUKAN E-SPORT

<b>Nama Program</b>	:	<b>“Turtle PES 2v2 Challenge” Sempena East Coast Collectors Toys Fair &amp; TDC Mega Gathering 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	29 hingga 30 November 2019
<b>Tempat</b>	:	Terengganu
<b>Catatan</b>		Top 8 Dari 32 Kumpulan

<b>Nama Program</b>	:	<b>Latihan Pusat Pasukan Esports</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	26 Hingga 27 Oktober 2019
<b>Tempat</b>	:	Kitamen, Gaming House, Sungai Buloh

<b>Nama Program</b>	:	<b>Tournament "PES 2020 All-Star" Travolka Esports Studio</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	21 Disember 2019
<b>Tempat</b>	:	Terengganu
<b>Catatan</b>		Muhamad Aminuddin Bin Rohaizad (Champion)



## SUKAN BOLING PADANG

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan MAKSAC 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 27 September 2019
<b>Tempat</b>	: Kompleks Sukan Seremban 2 Negeri Sembilan
<b>Catatan</b>	Juara Keseluruhan

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Open Fours KL</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 28 Mac 2019
<b>Tempat</b>	: Bukit Kiara, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>	Juara Keseluruhan

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Classic Triples KL</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 2 Februari 2019
<b>Tempat</b>	: Bayuemas, Klang
<b>Catatan</b>	Naib Juara Keseluruhan



SUKAN RAGBI

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Ragbi NRDP Seven 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 6 hingga 7 April 2019
<b>Tempat</b>	: Sekolah Menengah Sains Selangor
<b>Catatan</b>	Johan Bowl

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Ragbi Singapore Rugby Union Club Sevens 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 21 hingga 24 Julai 2019
<b>Tempat</b>	: Stadium Queentown Singapore
<b>Catatan</b>	Johan Plate



## SUKAN LAYAR

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan The KFC Langkawi International Regatta 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>14 hingga 17 Februari 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Pusat Latihan Kebangsaan Langkawi</b>
<b>Catatan</b>		<b>2 Emas 1 Perak</b>

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Perahu Layar The 7th KFC Perak Open Reggatta 2019 Kebangsaan</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>5 hingga 7 Julai 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Teluk Batik,Lumut Perak</b>
<b>Catatan</b>		<b>2 Emas ,1 Perak, 2 Gangsa</b>



## SUKAN BERBASIKAL

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>CIMB Foundation Criterium Series Grand Finale 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>15 Disember 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Precint 3, Putrajaya</b>



## SUKAN PENCAK SILAT

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Kejuaraan Silat Peringkat Kebangsaan Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>26 hingga 30 Mac 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Stadium Indera Mahkota, Kuantan</b>
<b>Catatan</b>		<b>8 Emas, 4 Perak, 3 Gangsa (Juara Keseluruhan)</b>

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Silat 5 Penjuru Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>26 hingga 29 Januari 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Mentakab, Pahang</b>
<b>Catatan</b>		<b>2 Emas , 1 Perak</b>



## SUKAN BOLA KERANJANG

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Bola Keranjang Terbuka MABA Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	16 hingga 19 April 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	SJKC Jenjarom, Selangor
<b>Catatan</b>		2 Emas

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Bola Keranjang Remaja Kebangsaan MABA Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	16 hingga 19 Januari 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	Kuching, Sarawak
<b>Catatan</b>		1 Emas , 2 Perak, 1 Gangsa



## SUKAN MEMANAH

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Karnival Bakat Pelapis Siri 1 Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	10 hingga 13 Julai 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	MSN Keramat, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>		2 Perak, 3 Gangsa

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Memanah BUKAR Siri 1 Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	17 hingga 19 Mac 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	Bukit Kiara, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>		1 Emas, 3 Perak, 1 Gangsa



SUKAN PETANQUE

<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Petanque Piala Presiden Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	8 hingga 12 Februari 2019
<b>Tempat</b>	:	Arena Petanque MDKS, Kuala Selangor
<b>Catatan</b>		2 Emas, 3 Perak, 1 Gangsa

<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Petanque Piala Tun Azahari Tahun 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	15 hingga 19 April 2019
<b>Tempat</b>	:	Arena Petanque Pudu Ulu, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>		1 Emas, 3 Gangsa



## SUKAN SKUASY

<b>Nama Program</b>	: <b>10th CIMB Foundation National Junior Circuit 2019, 1st Leg</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 7 hingga 10 Mac 2019
<b>Tempat</b>	: Nicol David International Squash Centre
<b>Catatan</b>	Naib Johan (Girls U-17)

<b>Nama Program</b>	: <b>5th CMS Borneo Junior Open 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 2 hingga 6 Julai 2019
<b>Tempat</b>	: Kuching, Sarawak
<b>Catatan</b>	Johan (Boys U-19)



## SUKAN WUSHU

<b>Nama Program</b>	: <b>Malaysia International Wushu Tournament</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 11 hingga 12 Ogos 2019
<b>Tempat</b>	: Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur
<b>Catatan</b>	Emas Sanda (52kg & 56kg)

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Wushu Kebangsaan Kali Ke-27 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 11 hingga 13 September 2019
<b>Tempat</b>	: Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya, Johor
<b>Catatan</b>	3 Emas, 2 Perak, 2 Gangsa



## SUKAN HOKI

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan TNB Piala Tun Abdul Razak 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 20 hingga 28 September 2019
<b>Tempat</b>	: Stadium Hoki Bukit Jalil
<b>Catatan</b>	Pasukan Wanita-Juara Pasukan Lelaki- Naib Juara Division 2

<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan TNB QNET Liga Hoki Selangor 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: Oktober 2019 hingga Februari 2020
<b>Tempat</b>	: Stadium Hoki Tun Razak
<b>Catatan</b>	Pasukan Wanita Naib Juara



**LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN ATLET**  
**UNIT MAJLIS SUKAN DAERAH**

## MAJLIS SUKAN DAERAH PETALING

<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-13, 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	22 Julai hingga 10 Ogos 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	Sekitar Daerah Sepang
<b>Catatan</b>		Kontinjen Daerah Petaling muncul sebagai Juara Keseluruhan Kejohanan SUKSES 2019.



<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Kejohanan Petanque Remaja (Triple) Terbuka Negeri Selangor 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	8 hingga 11 April 2019
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	Arena Petanque SAMTTAJ
<b>Catatan</b>		Lelaki - Naib Johan / Perempuan - Best 16



<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Petanque Angkasa Kategori Sekolah 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	22 Dan 23 April 2019
<b>Tempat</b>	:	Arena Petanque Kuala Selangor
<b>Catatan</b>		Lelaki - Tempat Ke 3 / Perempuan - Naib Johan



<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Petanque Angkasa Kategori Sekolah 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	22 Dan 23 April 2019
<b>Tempat</b>	:	Arena Petanque Kuala Selangor
<b>Catatan</b>		Lelaki - Tempat Ke 3 / Perempuan - Naib Johan



<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Sepak Takraw Majlis Sukan Daerah Petaling Perdana</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	22 Dan 23 April 2019
<b>Tempat</b>	:	MPC, SMK Seksyen 11
<b>Catatan</b>	:	-



<b>Nama Program</b>	:	<b>Pemantauan Latihan Sepak Takraw PLMSD Petaling</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	-
<b>Tempat</b>	:	SMK Taman Sri Muda
<b>Catatan</b>	:	-



## MAJLIS SUKAN DAERAH GOMBAK

<b>Nama Program</b>	:	<b>Pemantauan Latihan ABMK Gombak</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	Setiap Minggu Sabtu Dan Ahad
<b>Tempat</b>	:	Padang Taman Greenwood, Gombak



<b>Nama Program</b>	:	<b>Perlawanan Persahabatan ABMK Gombak Dan Ampang Jaya FC Kategori U8, U10 Dan U12</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	13 April 2019
<b>Tempat</b>	:	Padang Kuala Ampang, Ampang Jaya



<b>Nama Program</b>	:	<b>Perlawanan Persahabatan Pasukan Akademi Bola Sepak Merah Kuning Daerah Gombak Bawah 10 &amp; 12 Tahun Dengan Pasukan Bola Sepak :</b> - Rawang United FC - Red Giant FC - Green Valley FC
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	15 Disember 2019
<b>Tempat</b>	:	Padang Taman Kanching Jaya



<b>Nama Program</b>	:	<b>Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Gombak Ke Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-13, 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	20 Julai 2019 (Sabtu)
<b>Tempat</b>	:	SMK Taman Melawati
<b>Catatan</b>		Tetamu Kehormat : 1) YBhg. Dato' Hj Abd Hamid Bin Hussain Pengerusi MSD Gombak 2) Tuan Hasrolnizam bin Shaari Timbalan Pengerusi MSD Gombak 3) Pn. Harlisa Binti Rozikin, Majlis Sukan Negeri Selangor 4) En. Sajoli Bin Masdor, Pegawai PPD Gombak 5) Pn. Zarina Mahmood, Pengetua SMK Taman Melawati



<b>Nama Program</b>	: <b>Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-13, 2019</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: 22 Julai hingga 10 Ogos 2019
<b>Tempat</b>	: Sekitar Daerah Sepang
<b>Catatan</b>	Tempat Ke 7 Daripada 9 Daerah Dengan Pungutan Pingat sebanyak 5 Emas, 11 Perak Dan 13 Gangsa. 1) Memanah (1 Emas, 1 Perak, 1 Gangsa) 2) Bola Keranjang (1 Perak) 3) Tenpin Bowling (1 Perak) 4) Boling Padang (4 Gangsa) 5) Olahraga (2 Emas, 6 Perak, 4 Gangsa) 6) Badminton (2 Emas, 2 Perak, 3 Gangsa) 7) Sepak Takraw (Tiada) 8) Petanque (1 Gangsa)



<b>Nama Program</b>	: <b>Pemantauan PLMSD Gombak Sukan Sepak Takraw</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	: Setiap Minggu Kedua Hari Selasa Dan Khamis
<b>Tempat</b>	: SMK Gombak Setia



<b>Nama Program</b>	:	<b>Mesyuarat Pelarasan PLMSD Dan Pembangunan Sukan Sekolah-Sekolah Di Daerah Gombak</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	11 Februari 2019
<b>Tempat</b>	:	Jabatan Belia Masyarakat Dan Lanskap MPAJ



<b>Nama Program</b>	:	<b>Klinik Asas Petanque PLMSD</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	18 November 2019
<b>Tempat</b>	:	SMK Taman Melawati
<b>Catatan</b>	Memberi pendedahan asas sukan petanque kepada pelajar-pelajar yang baru mendaftar dalam program PLMSD	



<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Pemantauan PLMSD Sukan Angkat Berat</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>18 November 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>SMK Seri Kundang, Rawang</b>



<b>Nama Program</b>	<b>:</b>	<b>Pemantauan PLMSD Sukan Memanah</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>:</b>	<b>20 April 2019</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>SMK Taman Melawati</b>



**MAJLIS SUKAN DAERAH KUALA LANGAT**

<b>Nama Program</b>	:	<b>Klinik Pengenalan Sukan Boling Padang</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	20 Mac 2019
<b>Tempat</b>	:	Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Langat, Banting
<b>Catatan</b>	Klinik berlangsung selama 2 hari yang meliputi asas teori dan amali dalam sukan boling padang	



<b>Nama Program</b>	:	<b>Kejohanan Ragbi Morib Piala YB Tuan Hasnul</b>
<b>Tarikh &amp; Masa</b>	:	27 April 2019
<b>Tempat</b>	:	Padang Awam, Pantai Morib, Kuala Langat
<b>Catatan</b>	Pasukan ragbi mendapat keputusan naib johan pada kejohanan tersebut	



<b>Nama Program</b>	:	<b>Karnival Pelapis Siri 2019</b>
